

Skwad negara keempat, Farah terbaik

Kuala Lumpur: Skwad hoki wanita negara menamatkan saingan di tempat keempat Trofi Juara-Juara Asia (ACT) yang berakhir di Donghae, Korea Selatan, kelmarin, manakala Farah Ayuni Yahya dinobatkan sebagai penjaga gol terbaik.

Anugerah itu adalah yang kedua berturut-turut buat Farah apabila turut dinobatkan sebagai penjaga gol terbaik di ACT Singapura dua tahun lalu meskipun ketika itu Malaysia menamatkan aksi di kedudukan terakhir daripada lima pasukan mengambil bahagian.

Farah yang juga anggota polis memainkan peranan penting kebangkitan skuad negara dan menjadi tumpuan apabila menjadi nadi utama kemenangan 2-1 ke atas pasukan yang menduduki ranking lebih tinggi, Itali dalam penentuan penalti seterusnya mengiringi Ireland layak ke Separuh Akhir Liga Hoki Dunia pada Pusingan Kedua Liga Hoki Dunia di Kuala Lumpur.

Malaysia ketika itu mengikat Itali 2-2 dan kejayaan Farah menyelamatkan penalti cukup bermakna untuk membawa negara buat pertama kali ke pentas Separuh Akhir Liga Hoki Dunia.

Jurulatih skuad negara Dharma Raj Abdullah dijangka sekali lagi akan mempertaruhkan Farah untuk mengawal gawang gol negara apabila turun beraksi di Sukan Asia Jakarta Ogos ini.

Aset utama

“Dia sentiasa menjadi aset utama negara di setiap kejohanan kerana menyelamatkan gawang gol seterusnya memberi motivasi kepada seluruh pasukan.

“Pada Sukan Asia di Jakarta kami masih memerlukan khidmatnya untuk melakarkan kejutan menewaskan pasukan yang mempunyai ranking lebih tinggi.

“Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) meletakkan sasaran pingat gangsa di Jakarta dan saya yakin pemain mampu melaku-



Farah Ayuni Yahya

BERITA HARIAN

22/5/2018 p. 77

kannya. Kami akan berusaha merebut peluang dan akan cuba untuk mendapatkan pingat,” katanya.

Persekutuan Hoki Asia (AHF) bagaimanapun masih belum lagi mengumumkan jadual perlawanan namun 10 pasukan akan dibahagikan kepada dua kumpulan di Sukan Asia nanti.

10 pasukan yang beraksi iaitu Indonesia, Malaysia, Korea Selatan, Jepun, China, India, Thailand, Hong Kong, Taiwan dan Kazakhstan.

Di atas kertas Malaysia tidak mempunyai masalah apabila turun menentang Indonesia, Hong Kong, Taiwan dan Kazakhstan berdasarkan persembahan di ACT di mana mereka menewaskan Jepun 3-2, tewas kepada China (1-3), Korea Selatan (1-3) dan India (3-2) dalam aksi peringkat kumpulan.

Pada aksi penentuan pingat gangsa China hanya mampu meraih kemenangan 2-0.

Oleh Jugert Singh